



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepe>



**IMPLIKASI PENGGUNAAN MANUAL KAUNSELING
SYARIE DALAM KALANGAN KAUNSELOR MUSLIM
TERHADAP SPIRITUAL KLIEN**

*IMPLICATIONS OF THE USE OF THE SYARIAH COUNSELING MANUAL
AMONG MUSLIM COUNSELORS ON CLIENTS' SPIRITUALITY*

Salasiah Hanin Hamjah^{1*}, Siti Aishah Yahya², Zainab Ismail³, Md. Noor Saper⁴, Norazlina Zakaria⁵, Muhamad Fadhli Ahmat⁶, Nadhirah Muhamad Arib⁷

¹ Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor

 salhanin@ukm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-0877-6570>

² Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor

 sitiaishah85@ukm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0006-6543-8080>

³ Pusat Pengajian Madani Antarabangsa, Kompleks Kolej Dar al-Hikmah, Sg. Ramal Dalam, 43000 Kajang Selangor

 Zainab.ukm@gmail.com

 <https://orcid.org/0000-0001-5744-8445>

⁴ Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tg Malim, Perak, Malaysia.

 md.noor@fpm.upsi.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0005-5522-3222>

⁵ Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia

 norazlina.zakaria@uum.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-7919-480X>

⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

 Fadhli3554@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0001-9844-574X>

⁷ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia

 Nadhirah.ma@utm.my

 <https://orcid.org/0009-0001-9439-5845>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 27.12.2025

Revised date: 15.01.2026

Accepted date: 09.02.2026

Published date: 05.03.2026

To cite this document:

Hamjah, S. H., Yahya, S. A., Ismail, Z., Saper, M. N., Zakaria, N., Ahmat, M. F., & Muhamad Arib, N. (2026). Implikasi Penggunaan Manual Kaunseling Syarie Dalam Kalangan Kaunselor Muslim Terhadap Spiritual Klien. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(62), 401-417

DOI:10.35631/IJEPC.1162025**Abstrak:**

Kepesatan pembangunan pasca modenisme dan arus teknologi maklumat telah mengubah landskap sosial masyarakat, sekali gus menimbulkan pelbagai cabaran baharu dari segi hubungan kekeluargaan, nilai moral, masalah ekonomi dan kesejahteraan sosial. Ini menyebabkan ramai individu tidak memiliki panduan yang jelas dalam menghadapi cabaran kehidupan. Dalam situasi ini, kaunselor Muslim memerlukan pendekatan yang dapat membimbing klien kembali kepada nilai, akhlak dan spiritual Islam, namun panduan yang sistematik untuk mengaplikasikan elemen-elemen ini masih terhad. Justeru itu kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti implikasi penerapan manual Kaunseling Syarie dalam kalangan kaunselor Muslim terhadap spiritual klien. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan, melibatkan 53 orang klien yang dipilih melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan Manual Kaunseling Syarie memberi implikasi positif terhadap perkembangan spiritual klien. Implikasi tersebut merangkumi pengukuhan hubungan klien dengan Allah SWT melalui peningkatan amalan ibadah dan kerohanian seperti solat, zikir dan qiyamullail, di samping peningkatan kesedaran spiritual terhadap peranan diri sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi. Selain itu, klien turut menunjukkan kecenderungan positif ke arah proses penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) serta mencapai tahap kesejahteraan dan kepuasan spiritual yang lebih baik selepas mengikuti sesi kaunseling berpandukan Manual Kaunseling Syarie. Implikasi kajian menunjukkan terdapat keperluan untuk meneruskan penggunaan Manual Kaunseling Syarie dalam kalangan kaunselor bagi meningkatkan keberkesanan kaunseling khususnya meningkatkan kesejahteraan spiritual klien.

Kata Kunci:

Manual, Kaunseling Syarie, Keberkesanan, Spiritual, Tazkiyah Al-Nafs.

Abstract:

The rapid development of postmodernism and the advancement of information technology have transformed the social landscape of society, giving rise to various new challenges related to family relationships, moral values, economic issues, and social well-being. As a result, many individuals lack clear guidance in coping with life's challenges. In this context, Muslim counselors require approaches that can guide clients back to Islamic values, ethics, and spirituality; however, systematic guidelines for applying these elements remain limited. Therefore, this study was conducted to examine the implications of implementing the Syariah Counseling Manual among Muslim counselors on clients' spiritual well-being. This study employed a quantitative approach using a survey research design and involved 53 clients selected through purposive sampling. The findings indicate that the implementation of the Syariah Counseling Manual has positive implications for clients' spiritual development. These implications include the strengthening of clients' relationship with Allah SWT through increased engagement in acts of worship and spiritual practices such as prayer, remembrance (dhikr), and night prayers (qiyamullail), as well as enhanced spiritual awareness of their

roles as servants of Allah SWT and vicegerents (khalifah) on earth. In addition, clients demonstrated positive tendencies toward the process of spiritual purification (*tazkiyah al-nafs*) and achieved higher levels of spiritual well-being and satisfaction after participating in counseling sessions guided by the Syariah Counseling Manual. The findings further suggest the need to continue the use of the Syariah Counseling Manual among counselors to enhance the effectiveness of counseling practices, particularly in strengthening clients' spiritual well-being.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepec@gaexcellence.com

Keyword:

Effectiveness, Manual, Syarie Counseling, Spirituality, Tazkiyah Al-Nafs

Pengenalan

Kepesatan perubahan sosial dan kompleksiti cabaran kehidupan masa kini menuntut pendekatan kaunseling yang lebih holistik, khususnya dalam kalangan masyarakat Muslim. Dalam konteks ini, pendekatan kaunseling yang mengintegrasikan nilai dan spiritual Islam dilihat semakin relevan bagi membantu klien menangani tekanan dan cabaran kehidupan. Dalam konteks kaunseling Islam, aspek spiritual merupakan elemen penting yang menyentuh dimensi dalaman manusia. Spiritual atau *al-nafsiyy* menurut al-Ghazali (2000) ialah unsur dalaman manusia yang melibatkan empat komponen utama, iaitu hati (*al-qalb*), jiwa atau nafs (*al-nafs*), akal (*al-'aql*) dan roh (*al-ruh*). Namun, al-Ghazali (2000) memberi tumpuan khusus kepada hati (*al-qalb*), kerana hati diumpamakan seperti raja yang memerintah seluruh anggota tubuh manusia. Ini selari dengan hadis Nabi SAW yang menyatakan bahawa dalam tubuh manusia terdapat seketul daging; jika ia baik, baiklah seluruh tubuh, dan jika ia rosak, rosaklah seluruh tubuh. Daging itu ialah hati (Hadis riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Iman*). Secara ringkasnya, aspek kerohanian memberi tumpuan kepada hati dan hubungan langsung antara manusia dengan Allah SWT. Oleh itu, dalam kajian ini, aspek spiritual ditakrifkan sebagai pendekatan yang menyentuh latihan hati dan hubungan langsung dengan Allah. Secara khusus, pendekatan spiritual melibatkan amalan agama seperti solat, berdoa, berzikir, bertaubat, membaca al-Quran, qiyamullail dan seumpamanya.

Walaupun aspek spiritual diakui penting dalam kaunseling Islam, pengkaji di Malaysia mula menyedari kepentingan penerapannya dalam amalan kaunseling pada sekitar akhir kurun ke-20 dan awal kurun ke-21. Namun begitu, kaunselor Muslim masih belum mempunyai panduan yang seragam dan berstruktur tentang cara menerapkan elemen spiritual dalam amalan kaunseling, menyebabkan penerapannya bergantung kepada kefahaman dan pendekatan individu. Fenomena ini menunjukkan keperluan yang jelas terhadap strategi yang lebih tersusun bagi memperkemas kaedah penerapan elemen spiritual dalam kaunseling di Malaysia. Menyedari keperluan tersebut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama pakar bidang kaunseling telah membangunkan Manual Kaunseling Syarie yang dilancarkan secara rasmi pada tahun 2013. Manual ini berperanan sebagai panduan kepada kaunselor Muslim untuk menerapkan elemen spiritual secara berstruktur, sekali gus berpotensi bukan sahaja menyelesaikan isu psikologi, malah memperkukuh dimensi spiritual klien yang merupakan komponen teras kesejahteraan klien menurut perspektif Islam. Justeru, keperluan

untuk menilai secara empirikal implikasi penggunaan Manual Kaunseling Syarie terhadap perkembangan spiritual klien menjadi satu keperluan penyelidikan yang signifikan.

Pernyataan Masalah

Kepesatan pembangunan pasca modenisme, perkembangan teknologi maklumat dan fenomena industri 4.0 telah membawa banyak perubahan kepada perkembangan sosial masyarakat (Md. Noor, 2019). Masyarakat kini berdepan pelbagai cabaran merangkumi aspek ekonomi, politik, sosial dan agama. Dalam konteks masyarakat Islam, pelbagai bentuk masalah sosial terus muncul termasuk jenayah (Mohd Dahlan et al., 2010; Mohamad Fauzi, 2001), penzinaan (Norazlina & Siti Zubaidah, 2014; Khadijah et al., 2012; Sarnon et al., 2012), pembuangan bayi (Mohd Izzuddin, 2011), sumbang mahram, merempit dan melepak (Junoh, 2011), pembunuhan dan penderaan (Hamdaz & Fatah, 2016), pemerdagangan manusia (Mohd Dahlan et al., 2010), kegawatan ekonomi dan GST (Intan Nursyafiqah, 2016), masalah perpaduan, perpecahan parti politik (Faisal & Hamidah, 2010; Suhana & Marsitah, 2012), ajaran sesat (H. Ahpas et al., 2009), ISIS (Paasche & Gunter, 2016; Stansfield, 2016), DAISH dan pelbagai isu kontemporari lain. Kesemua perkembangan ini memberi kesan kompleks terhadap pembangunan diri, kerjaya, pendidikan, kewangan, sosial, keluarga dan masyarakat (Raja & Nagasubramani, 2018).

Kepelbagaian permasalahan rencam ini memerlukan tindakan cekap dan berkesan bagi mengelakkan implikasi yang lebih serius terhadap kesejahteraan hidup masyarakat. Kegagalan menanganinya boleh membawa kepada keruntuhan nilai, kesejahteraan dan seterusnya tamadun. Dalam konteks ini, perkhidmatan kaunseling memainkan peranan penting untuk membantu individu menghadapi cabaran psikologi dan tekanan hidup. Walau bagaimanapun, sifat isu semasa yang semakin kompleks menuntut kaunselor menambah baik kompetensi, pengetahuan dan kemahiran selari dengan keperluan klien (Md Noor, 2019). Hal ini termasuk integrasi elemen agama dalam amalan kaunseling bagi memastikan kesejahteraan manusia dapat dicapai secara holistik.

Walaupun Manual Kaunseling Syarie telah dibangunkan sebagai panduan kepada kaunselor Muslim, tahap pelaksanaannya dalam konteks amalan sebenar masih belum dinilai secara empirikal. Kajian lepas banyak menumpukan aspek kaunseling Islam secara umum, namun kajian yang meneliti sejauh mana kaunselor memahami, menguasai dan mengaplikasikan manual ini secara sistematik masih terhad. Jurang penyelidikan juga wujud dalam menilai keberkesanan penggunaan Manual Kaunseling Syarie terhadap perkembangan spiritual klien, sedangkan aspek spiritual merupakan antara komponen penting dalam kesejahteraan klien Muslim. Ketiadaan bukti empirikal yang kukuh menimbulkan persoalan tentang keberkesanan manual tersebut serta keperluan untuk menilai impaknya dalam amalan kaunseling. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi **menganal pasti implikasi penggunaan Manual Kaunseling Syarie oleh kaunselor Muslim terhadap perkembangan spiritual klien**, sekali gus mengisi jurang kajian berkaitan amalan kaunseling berasaskan syarie dalam konteks semasa.

Tinjauan Literatur

Kajian mengenai agama dalam kaunseling bukanlah sesuatu yang baharu. Dalam konteks Malaysia, bidang ini berkembang melalui gagasan awal tokoh-tokoh besar seperti Malik Badri dan Hasan Langgulung. Buku Malik Badri, *The Dilemma of Muslim Psychologists* (1979),

memberikan impak besar terhadap perkembangan Kaunseling Islam apabila idea dan pemikirannya menjadi asas kepada pengembangan pendekatan psikologi berteraskan Islam. Pemikiran Hasan Langgulung turut memperkukuh asas kaunseling Islam di Malaysia (Salasiah, 2010; Norazlina & Noor Shakirah, 2016).

Pada penghujung abad ke-20, muncul pula penyelidikan daripada sarjana seperti Aziz (1993), Wan Hussain Azmi (1994), Kamal (1995, 1996, 2000), Mohamed Sharif (1998) dan Abdul Halim (1990) yang menumpukan usaha mengemukakan idea asas serta perbandingan antara kaunseling Islam dan Barat. Memasuki alaf baharu, pengkaji seperti Siti Zalikah (2002), Yatimah (2008), Salasiah (2008, 2016), Md Noor (2012), Mazidah (2013), Zainab, Wan Ibrahim dan Asyraf (2014), bergerak lebih jauh dengan membangunkan modul penerapan unsur Islam dengan pelbagai pendekatan dan kaedah untuk mengintegrasikan nilai spiritual dan ajaran Islam dalam amalan kaunseling (Yatimah, 2008; Salasiah, 2008, 2016; Md Noor, 2012; Zainab, 2014).

Kajian terdahulu turut menjelaskan kepentingan integrasi agama dan spiritual dalam proses membantu. Jung (1933) dan Young et al. (2007) menekankan bahawa penerapan elemen agama dan spiritual dalam kaunseling penting bagi meningkatkan keberkesanan kaunseling. Banyak lagi kajian terdahulu yang membuktikan penerapan spiritual membawa impak positif terhadap kesejahteraan klien (Turnbow, 2008; Salasiah 2014; Salasiah 2017). Isbilen (2024) mendapati kaunseling spiritual meningkatkan daya tahan psikososial serta mengurangkan kesunyian. Nasrollahi et al. (2021) pula menunjukkan model *Sound Heart* mampu mengurangkan kemurungan dalam kalangan pesakit hemodialisis melalui pendekatan yang menekankan hubungan manusia dengan Tuhan, diri, keluarga dan alam. Kajian oleh Lukmanulhakim dan Syukrowardi (2018) turut membuktikan bahawa intervensi spiritual membantu mengurangkan kebimbangan keluarga pesakit di ICU. Gholamhosseini et al. (2022) mendapati penerapan kaunseling spiritual meningkatkan harapan dan daya positif pesakit infarksi miokardium.

Dalam konteks yang sama, kajian Faizal et al., (2025), Nuraeni et al. (2024) dan Rababah & Al-Hammouri (2025) yang menggabungkan bacaan al-Quran, rawatan berasaskan sunnah dan penjagaan spiritual didapati berupaya mengurangkan simptom kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan pesakit kronik. Niles dan Gutierrez (2024) pula memperkenalkan Model H.O.P.E sebagai kerangka yang membantu kaunselor dan murid membina pemikiran optimis, hubungan sosial sihat dan jangkaan masa depan yang positif melalui integrasi spiritual. Dalam kajian lain, aspek spiritual dikenal pasti sebagai latihan asas yang membantu klien mencapai ketenangan, meningkatkan daya tindak dan menyelesaikan masalah secara berkesan (Ab. Rahman et al., 2018; Mansur, 2011; Salasiah & Nadhirah, 2015; Chen et al., 2015; Saenz & Waldo, 2013).

Menyedari kepentingan dan impak positif aspek spiritual dalam kaunseling, ada kajian cuba membuktikan keperluan memasukkan aspek agama dan spiritual ke dalam amalan serta latihan profesional kaunseling (Damari et al., 2018; Farshadnia et al., 2018; Gordon, 2018; Oxhandler, 2019; Sajadi et al., 2018; Shaw et al., 2012; Ismail et al., 2014; Baharudin et al., 2017).

Rumusan keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa integrasi agama dan spiritual bukan sahaja relevan, malah penting dalam meningkatkan keberkesanan kaunseling. Walau bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, masih tiada kajian yang menilai sejauh mana penggunaan *Manual Kaunseling Syarie* diaplikasikan secara praktikal oleh kaunselor Muslim serta implikasinya terhadap perkembangan spiritual klien. Walaupun manual tersebut telah

dibangunkan sebagai garis panduan formal, bukti empirikal tentang keberkesannya terhadap kesejahteraan spiritual klien masih terhad dan belum diteroka secara menyeluruh. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti implikasi penggunaan Manual Kaunseling Syarie dalam kalangan kaunselor Muslim terhadap perkembangan spiritual klien, sekali gus mengisi jurang kajian penting dalam bidang kaunseling Islam di Malaysia.

Metodologi Kajian

Metodologi adalah perkara yang penting dalam menjalankan penyelidikan. Ia merupakan perancangan sebuah penyelidikan bermula daripada meneliti kajian lepas dan meneroka teori yang berkaitan. Seterusnya, pengkaji mengatur langkah bagi memulakan proses pemilihan sampel kajian, pengumpulan data, penganalisan data dan laporan hasil kajian. Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 53 orang klien yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Ciri-ciri klien yang dipilih ialah (1) Pernah mendapatkan khidmat kaunseling daripada kaunselor yang berdaftar dengan Persatuan Kaunseling Syarie (PAKSI), (2) Telah mengikuti sesi kaunseling bersama kaunselor yang berdaftar dengan PAKSI sekurang-kurangnya dua sesi dan (3) Kaunselor ada menerapkan elemen agama Islam khususnya Manual Kaunseling Syarie dalam sesi kaunseling yang dijalankan.

Instrumen utama dalam kajian ini ialah soal selidik. Instrumen soal selidik dibina dan diedarkan kepada klien dalam bentuk google form. Sebagai responden, klien diberi pilihan untuk menjawab soalan soal selidik sama ada hendak menggunakan telefon bimbit atau laptop masing-masing. Tujuan instrumen soal selidik dibina adalah untuk mengenalpasti adakah Manual Kaunseling Syarie yang dipraktikkan oleh kaunselor Muslim memberi kesan kepada perkembangan spiritual klien. Instrumen kajian ini dibangunkan berdasarkan model *Tazkiyah al-Nafs* menurut al-Ghazali (Salasiah 2016; Salasiah 2017; al-Ghazali 2000) yang menjadi komponen utama dalam Manual Kaunseling Syarie dan model penilaian Kirkpatrick (1975; 1996).

Instrumen soal selidik untuk klien mengandungi empat bahagian, iaitu: Bahagian A: Demografi (9 item); Bahagian B: Reaksi (11 item ujian sebelum dan ujian selepas); Bahagian C: Pembelajaran (18 item ujian sebelum dan ujian selepas); Bahagian D: Perubahan Tingkah Laku (28 item ujian sebelum dan ujian selepas); dan Bahagian E: Hasil (selepas mengikuti sesi kaunseling) (14 item). Artikel ini hanya membincangkan Bahagian E sahaja. Instrumen soal selidik ini menggunakan skala Likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS) setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Data daripada instrumen soal selidik dianalisis menggunakan teknik statistik deskriptif dengan bantuan alat perisian komputer *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS).

Setelah dilakukan kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan konstruk ke atas soalan soal selidik, kajian ini menggunakan *alpha cronbach* untuk mengukur nilai kebolehpercayaan (*Reliability Analysis*) bagi setiap item yang dibina. Ujian *Alpha Cronbach* digunakan bagi menguji ketekalan item skala Likert. Hasil analisis kebolehpercayaan ke atas data skala Likert, kajian ini mendapati nilai kebolehpercayaan pembinaan item Bahagian B adalah 0.959, Bahagian C adalah 0.953, Bahagian D adalah 0.977 dan Bahagian E adalah 0.945 (Jadual 1).

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Bahagian	Bil. Item (N)	Alpha Cronbach
B	11	0.959
C	18	0.953
D	28	0.977
E	14	0.945
Purata		0.958

Nilai kebolehpercayaan pembinaan item secara keseluruhan adalah 0.958. Dapatan nilai kebolehpercayaan ini menunjukkan semua item yang dibina di Bahagian B, C, D dan E adalah sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi.

Hasil Kajian

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Manual Kaunseling Syarie memberi impak positif yang tinggi terhadap perkembangan spiritual klien. Analisis deskriptif bagi item E1 hingga E14 mencatatkan nilai min antara 4.30 hingga 4.62, yang menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan klien terhadap kesan penggunaan Manual Kaunseling Syarie terhadap aspek spiritual mereka.

Dari segi dapatan utama, item yang berkaitan dengan hubungan klien dengan Allah SWT mencatatkan nilai min tertinggi, khususnya item 'Lebih mendekatkan diri kepada Allah' (min = 4.62). Selain itu, dapatan turut menunjukkan penilaian yang tinggi terhadap keberkesanan Manual Kaunseling Syarie dalam membantu klien menyelesaikan masalah berasaskan syariat Islam (min = 4.58), diikuti aspek tazkiyah al-nafs seperti usaha membuang sifat buruk (min = 4.54) dan keupayaan menjalani kehidupan yang diredhai Allah SWT (min = 4.54). Item berkaitan amalan ibadah dan kerohanian seperti pelaksanaan amalan kerohanian (min = 4.52), peningkatan ibadah (min = 4.50) serta kefahaman tentang matlamat hidup sebagai hamba Allah SWT (min = 4.50) turut mencatatkan nilai min yang tinggi. Secara keseluruhannya, tujuh item mencatatkan nilai min melebihi 4.50, yang mencerminkan tahap penerimaan dan impak positif yang konsisten terhadap perkembangan spiritual klien.

Jadual 2 : Hasil Penerapan Manual Kaunseling Syarie (Perspektif Klien)

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	SD
E1	Lebih tenang menghadapi cabaran hidup	0	1 (1.9%)	3 (5.7%)	23 (43.3%)	26 (49.1%)	4.39	.6889
E2	Merasa bahagia	0	1 (1.9%)	5 (9.4%)	24 (45.3%)	23 (43.4%)	4.30	.7228
E3	Kenal kekuatan diri sebagai khalifah Allah SWT	1 (1.9%)	0	3 (5.7%)	21 (39.6%)	28 (52.8%)	4.41	.7705

E4	Kenal kelemahan diri sebagai khalifah Allah SWT	0	0	2 (3.8%)	23 (43.4%)	28 (52.8%)	4.49	.5759
E5	Bermujahadah membuang sifat buruk dalam diri	0	0	2 (3.8%)	20 (37.7%)	31 (58.5%)	4.54	.5740
E6	Lebih mendekatkan diri kepada Allah	1 (1.9%)	0	0	16 (30.2%)	36 (67.9%)	4.62	.6857
E7	Mampu meningkatkan ibadah	1 (1.9%)	0	1 (1.9%)	20 (37.7%)	31 (58.5%)	4.50	.7238
E8	Mampu mengamalkan akhlak mulia	1 (1.9%)	0	0	25 (47.2%)	27 (50.9%)	4.45	.6952
E9	Mampu menjalani kehidupan yang diredhai Allah SWT	0	0	1 (1.9%)	22 (41.5%)	30 (56.6%)	4.54	.5394
E10	Mampu melaksanakan amalan kerohanian (solat, zikir, qiyamullail dll)	1 (1.9%)	0	1 (1.9%)	19 (35.8%)	32 (60.4%)	4.52	.7233
E11	Mampu memahami matlamat hidup sebagai hamba Allah	1 (1.9%)	0	1 (1.9%)	20 (37.7%)	31 (58.5%)	4.50	.7238
E12	Mampu memahami matlamat hidup sebagai khalifah Allah	1 (1.9%)	0	2 (3.8%)	20 (37.7%)	30 (56.6%)	4.47	.7495
E13	Mampu membuat keputusan	0	0	5 (9.4%)	19 (35.8%)	29 (54.8%)	4.45	.6670
E14	Secara keseluruhannya, Manual Kaunseling Syarie berupaya menyelesaikan masalah berasaskan syariat Islam	0	0	4 (7.5%)	14 (26.4%)	35 (66.1%)	4.58	.6335

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan Manual Kaunseling Syarie memberi kesan positif yang signifikan terhadap aspek spiritual klien, khususnya dalam memperkukuh hubungan mereka dengan Allah SWT. Hal ini dapat dilihat melalui pengakuan klien yang

melaporkan peningkatan kedekatan diri dengan Allah (min = 4.62), serta peningkatan dalam amalan ibadah dan kerohanian seperti solat, zikir dan qiyamullail (min = 4.52) dan peningkatan komitmen beribadah secara keseluruhan (min = 4.50).

Selain pengukuhan hubungan dengan Allah, klien turut menunjukkan peningkatan kesedaran terhadap peranan diri sebagai hamba Allah SWT (min = 4.50) dan khalifah di muka bumi (min = 4.47), yang mencerminkan perkembangan positif terhadap pemahaman spiritual dan makna kehidupan selepas mengikuti sesi kaunseling berpandukan Manual Kaunseling Syarie. Dari sudut kesejahteraan spiritual dan emosi, klien melaporkan keupayaan yang lebih baik dalam menghadapi cabaran hidup dengan lebih tenang (min = 4.39) serta merasakan tahap kebahagiaan yang lebih tinggi (min = 4.30). Dapatan ini menunjukkan bahawa penerapan Manual Kaunseling Syarie bukan sahaja meningkatkan amalan ibadah, malah turut menyumbang kepada kesejahteraan spiritual dan emosi klien secara menyeluruh.

Dapatan kajian turut menunjukkan perkembangan positif dalam aspek *tazkiyah al-nafs*, apabila klien melaporkan kecenderungan untuk bermujahadah meninggalkan sifat buruk (min = 4.54) serta mengamalkan akhlak mulia (min = 4.45). Dapatan ini mencerminkan proses perubahan dalaman yang selari dengan matlamat kaunseling Islam yang menekankan penyucian jiwa sebagai asas kesejahteraan spiritual.

Selain itu, klien turut menunjukkan peningkatan kesedaran sendiri seperti menyedari kelemahan diri sebagai khalifah Allah SWT (min = 4.49) serta pengiktirafan terhadap kekuatan diri (min = 4.41), yang menggambarkan perkembangan pemahaman diri dari sudut spiritual. Dari aspek kesejahteraan spiritual, klien melaporkan keupayaan menjalani kehidupan yang diredhai Allah SWT (min = 4.54), manakala dari sudut kekuatan dalaman, klien turut menunjukkan keupayaan membuat keputusan dengan lebih baik ketika berhadapan cabaran hidup (min = 4.45). Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan kecenderungan positif terhadap pengukuhan spiritual klien merangkumi aspek penyucian jiwa, kesedaran sendiri dan keupayaan daya tindak.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan Manual Kaunseling Syarie memberi implikasi positif terhadap perkembangan spiritual klien. Hal ini merangkumi pengukuhan hubungan klien dengan Allah SWT melalui peningkatan amalan ibadah dan kerohanian seperti solat, zikir dan qiyamullail, di samping peningkatan kesejahteraan spiritual yang dicirikan oleh ketenangan jiwa dan perasaan lebih bahagia ketika menghadapi cabaran hidup. Selain itu, dapatan kajian turut mencerminkan kecenderungan positif ke arah melaksanakan *tazkiyah al-nafs*, peningkatan kesedaran sendiri serta tahap kepuasan spiritual dalam kalangan klien.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Manual Kaunseling Syarie memberikan kesan yang signifikan terhadap perkembangan spiritual dan kesejahteraan psikologi klien. Dapatan ini membuktikan bahawa Manual Kaunseling Syarie bukan sekadar panduan dalam menerapkan elemen spiritual dalam kaunseling tetapi merupakan modul pembangunan spiritual yang holistik. Nilai min yang tinggi (antara 4.30 hingga 4.62) bagi semua item menunjukkan pengaruh yang kuat terhadap aspek spiritual dan keagamaan klien. Hal ini disokong oleh kajian pembangunan modul terkini oleh Mohd Zin et al. (2024), yang membuktikan bahawa intervensi kaunseling spiritual yang disusun secara bermodul dan

sistematik mempunyai nilai kesahan serta kebolehpercayaan yang tinggi dalam membantu perkembangan psikospiritual klien.

Dapatan kajian menunjukkan berlaku perkembangan positif dalam aspek spiritual klien di mana klien mengaku lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT (min = 4.62)' melalui ibadah (min = 4.50) dan amalan spiritual seperti solat, doa, zikir, qiyamullail dan lain-lain (min=4.52). Perkara ini adalah selari dengan ayat al-Quran (al-Baqarah (2) ayat 186) yang bermaksud;

Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah SWT) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku.

Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan Ijaz, Khalily dan Ahmad (2017) yang menunjukkan solat yang dilakukan secara konsisten dan dengan penuh penghayatan hati (khusyuk) bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan, tetapi juga memperkukuh hubungan spiritual seseorang dengan Allah SWT. Hal ini kerana penghayatan dalam solat membawa individu kepada kesedaran bahawa dirinya sentiasa berada dalam pengawasan dan rahmat Allah, lalu melahirkan rasa dekat, tenang dan berserah kepada-Nya.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan berlaku peningkatan kesedaran spiritual dalam kalangan klien apabila klien lebih memahami peranan diri sebagai hamba Allah SWT (min = 4.50) dan khalifah di muka bumi (min = 4.47). Kesedaran ini adalah selari dengan Firman Allah SWT yang bermaksud;

“Dan tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku.”(Surah al-Dhariyat, 51:56)

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". (Surah al-Baqarah, 2:30)

Dapatan kajian menunjukkan berlaku perkembangan positif dalam aspek spiritual klien di mana klien didapati berupaya melakukan penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) iaitu membuang sifat buruk (mazmumah) dan mengamalkan sifat mulia (mahmudah). Perubahan tersebut selari dengan ayat al-Quran yang bermaksud;

“Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu.”
(Surah al-Syams, 91:9)

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Ahmad dan Hassan (2015) yang menjelaskan bahawa penyucian elemen dalaman manusia khususnya hati dan nafsu atau *tazkiyah al-nafs* adalah prasyarat untuk mencapai ketenangan. Abd Rahim dan Mubarak Ali (2022) turut membuktikan bahawa klien yang melalui proses penyucian jiwa ini menunjukkan peningkatan ketara dalam kawalan emosi dan daya tahan menghadapi tekanan hidup. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa *tazkiyah al-nafs* memberi kesan positif kepada perubahan emosi dan tingkahlaku klien.

Dapatan kajian turut menjelaskan penerapan Manual Kaunseling Syarie berjaya meningkatkan kesejahteraan spiritual di mana klien mengaku lebih tenang menghadapi cabaran' (min = 4.39) dan lebih bahagia' (min = 4.30). Dapatan ini selari dengan ajaran Islam yang menjelaskan individu yang mempunyai kesejahteraan spiritual seperti banyak mengingat Allah SWT, hatinya akan lebih tenang sebagaimana Firman-Nya yang bermaksud;

“Ketahuilah bahawa dengan mengingat Allah hati menjadi tenang.”
(Surah al-Ra'd, 13:28)

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Ho (2024) yang mendapati individu yang lebih baik spiritualnya sememangnya lebih bahagia. Dapatan ini juga selari dengan pandangan al-Ghazali (2000) yang menjelaskan kebahagiaan boleh diperolehi dengan ilmu dan amal. Ilmu yang paling mulia ialah ilmu mengenal Allah SWT dan ilmu mengenal Allah SWT adalah termasuk dalam ilmu aqidah yang menjadi teras keimanan dan kesejahteraan spiritual. Selain itu, penemuan ini turut seiring dengan Jain dan Pandey (2024) yang menyatakan bahawa individu yang mempunyai asas spiritual yang kukuh lazimnya memiliki tahap ketahanan diri, kemahiran daya tindak dan kesejahteraan psikologi yang lebih tinggi sehingga mampu menjadikan jiwa mereka tenang dan bahagia.

Seterusnya dapatan kajian juga mendapati setelah diterapkan Manual kaunseling Syarie, klien berupaya membina kekuatan spiritual dan berani membuat keputusan sewaktu menghadapi cabaran hidup. Klien berani membuat keputusan dalam hidup kerana telah diterapkan konsep tawakal dan pergantungan kepada Allah. Dapatan ini selari dengan kajian Salasiah dan Shakirah (2014) yang mendapati pendekatan agama dan spiritual dalam kaunseling memberi impak positif terhadap klien seperti berdaya tahan dalam menghadapi masalah hidup dan membolehkan mereka bersikap rasional.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa penerapan *Manual Kaunseling Syarie* memberikan implikasi yang signifikan terhadap pembangunan spiritual klien. Klien didapati berupaya mendekatkan diri kepada Allah SWT menerusi amalan spiritual dan ibadah seperti solat, zikir, doa, qiyamullail dan seumpamanya. Klien dalam kajian ini menunjukkan peningkatan dalam kesedaran diri, kefahaman tentang peranan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT serta melakukan perubahan daripada sifat negatif kepada akhlak yang lebih mulia menerusi proses tazkiyah al-nafs. Dapatan ini merumuskan bahawa Manual Kaunseling Syarie bukan sahaja berfungsi sebagai panduan intervensi kaunseling, tetapi juga sebagai instrumen pemulihan spiritual yang dapat memperkukuh dimensi spiritual klien secara holistik.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan keperluan untuk meneruskan dan memperluas penggunaan *Manual Kaunseling Syarie* dalam amalan kaunselor Muslim. Keberkesanan manual ini dalam meningkatkan kesejahteraan dan kepuasan spiritual klien memberikan justifikasi kukuh bahawa pendekatan berasaskan nilai, akhlak dan spiritual Islam harus diberi keutamaan dalam sesi kaunseling kontemporari. Implikasi ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan, termasuk penambahbaikan manual, pembinaan modul latihan kaunselor serta kajian keberkesanan jangka panjang bagi memperkukuh lagi amalan kaunseling berteraskan syariah dalam masyarakat.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) kerana menaja penyelidikan ini dengan tajuk Keberkesanan Manual Kaunseling Syarie dalam Amalan Kaunselor Muslim di Malaysia. Penulis juga merakamkan jutaan terima kasih kepada semua penyelidik yang terlibat secara langsung dalam kajian ini iaitu Rabiah Ibrahim (JAKIM), Norazman Amat, Suhaizam Sulaiman, Syukri Khamis (Setiausaha Persatuan Kaunseling Syarie), Hariati Abu Kher (JAKIM), Dr. Mohd Hatta Othman (MAINS) dan Hieda Noviyanty (Pembantu Penyelidik, UKM).
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) di bawah Nombor Geran [UKM-PP-2024-001.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)
Pernyataan Etika:	Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Salasiah] bertanggungjawab terhadap konsep, LR, pernyataan masalah, hasil kajian, metodologi dan keseluruhan kajian. [Siti Aishah] mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. [Zainab] menyumbang kepada sorotan literatur, pernyataan masalah dan semakan metodologi. [Md. Noor] membantu penyediaan draf dan semakan kritikal manuskrip. [Norazlina] menyemak bahagian analisis dan perbincangan. [Muhammad Fadhli] menyemak bahagian rujukan dan analisis data. [Nadhirah] menganalisis LR, pernyataan masalah dan semakan bahagian analisis. Semua penulis telah membaca, memperbaiki dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ab. Rahman, Z., Long, A.S., Salleh, K., Awang, J., Subhi, N. (2018). Application of Islamic spiritual approaches in treating problematic behaviors among teenagers at risk. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(6), 1237-1246.
- Abd Rahim, M. F., & Mubarak Ali, N. (2022). Pendekatan Tazkiyatun Nafs dalam menangani masalah stres dalam kalangan ibu bekerjaya. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 1(1), 1-12.
- Abdul Halim Othman (1990) *Kaunseling Islam : Ke arah Pengukuhan Budaya Cemerlang*, Seminar Kebangsaan Kaunseling Dalam Masyarakat Islam, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- Ahmad, R., & Hassan, S. A. (2015). Tazkiyatun Nafs (purification of the soul): A psycho-spiritual approach in strengthening marriage relationships. *Elixir Social Sciences*, 83, 33239-33242.
- Aziz Salleh (1993) *Kaunseling Islam asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Badri, Malik (1979) *The Dilemma of Muslim Psychologists*. Great Britain : WMH London Publishers.
- Baharudin, DF, Sumari, M, Zakaria, MZ, Hamdani, SM, Mutalib, MMA & Mahmud, Z. (2017). Counselling Muslim couples and families: Practitioners experiences. *Man in India*, 97(19), 241-249.
- Chen, Y.-L., Liu, M.-C., Tsai, T.-W., Chen, Y.-H. (2015). Religious practices in crosscultural contexts: Indonesian male science students' adjustment in Taiwan. *Journal of Counseling Psychology*, 62(3), 464-475.
- Damari, B., Hajebi, A., Bolhari, J., Heidari, A. (2018). Developing a training course for spiritual counselors in health care: Evidence from Iran. *Indian Journal of Palliative Care*, 24(2), 145-149.
- Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid & Hamidah Binti Jalani. (2010). Beberapa Pandangan Mengenai Islam Dari Perspektif Parti Politik Melayu. *Jurnal Al-Tamaddun Bil. 5* (2010) 117-130
- Faizal, F., Makmun, F., Pratiwi, T. I., & Mawarni, A. (2025). Islamic-Based Counseling for Fostering Self Efficacy in Muslim Communities. *Islamic Guidance and Counseling Journal*, 8(2), 1566–2614. <https://doi.org/10.25217/0020258650300>
- Farshadnia, E., Memaryan, N., Farid, A.A.A., Bolhari, J. (2018). Who can provide spiritual counseling? A qualitative study from Iran. *Indian Journal of Palliative Care*, 24(4), 517-525.
- al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah : Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Gholamhosseini, M., Dehghan, M., Forouzi, M. A., Shahrabaki, P. M., & Roy, C. (2022). *Effectiveness of spiritual counseling on the enhancement of hope in Iranian Muslim patients with myocardial infarction: A two-month follow-up*. *Journal of Religion & Health*, 61(5), 3898–3908. <https://doi.org/10.1007/s10943-021-01283-w>
- Gordon, E.C. (2018). Intellectual humility, spirituality, and counseling. *Journal of Psychology and Theology*, 46(4), 279-291.
- H. Ahpas, Taupik Lubis and Mohd Yusof, Farahwahida (2009) *Persepsi Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (pengajian Islam) Universiti Teknologi Malaysia, Skudai terhadap Ajaran Sesat Di Malaysia*. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Haghighat, M., Mirghafourvand, M., Mohammad-Alizadeh-Charandabi, S., Malakouti, J., Erfani, M. (2018). The effect of spiritual counseling on stress and anxiety in pregnancy:

- A randomized controlled clinical trial. *Iranian Red Crescent Medical Journal*, 20(4), 1-9.
- Hamdzah, Hazwani and Fatah Yasin, Raudlotul Firdaus (2016) Child abuse in Malaysia: an overview from Islamic perspective. In: 3rd International Conference on Global & Social Entrepreneurship (Legoland, Johor) 2016 (3rd ICoGBSE), 23rd-24th Apr. 2016, Johor.
- Ho, L. S. (2024). Spirituality, religiosity and happiness: Identifying the nexus. *The Singapore Economic Review*, 69(5), 1659–1684. <https://doi.org/10.1142/S0217590824500900>
- Ijaz, S., Khalily, M. T., & Ahmad, I. (2017). Mindfulness in Salah prayer and its association with mental health. *Journal of Religion and Health*, 56(6), 2297–2307. <https://doi.org/10.1007/s10943-017-0413-1>
- Intan Nursyafiqah Binti Mohamed Hissam. 2016. The Effect Of Malaysia Goods & Services Tax (GST) To The Construction Industry, Faculty of Civil Engineering & Earth Resources. Universiti Malaysia Pahang.
- Isbilen, N. (2025). *The role of stakeholder awareness and spiritual counseling in addiction prevention: A qualitative research*. *Bilimname*, 54(1), 349–379. <https://doi.org/10.28949/bilimname.1688333>
- Ismail, Z., Wan-Ibrahim, W. A., & Asyraf, H. A. R. (2014). Counseling services in muslim communal life in malaysia. *Middle - East Journal of Scientific Research*, 20(11), 1445-1448.
- Jain, A., & Pandey, N. (2024). *Effect of spirituality on decision making and mental well-being: A comprehensive review*. *International Journal of Creative Research Thoughts*, 12(4), 310-345.
- Jung, C. G. (1933). *Modern Man in Search of a Soul*. (W. S. Dell & C. F. Baynes, Trans.). London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Junoh, Husin (2011) Faktor keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor. PhD thesis, Universiti Malaya.
- Kamal Abd Manaf. (1995). *Kaunseling Islam perbandingan antara amalan dan teori kaunseling barat*. Kuala Lumpur: utusan publication & distributor.
- Kamal Abd Manaf. (1996). *Perbezaan dan persamaan pandangan Carl Rogers dan Imam Ghazali terhadap beberapa aspek kaunseling*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamal Abd Manaf. (2000). *Kaunseling Islam satu alternatif baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Khadijah Alavi, and Salina Nen, and Fauziah Ibrahim, and Noremy Md. Akhir, and Mohd Suhaimi Mohamad, and Noorhasliza Mohd Nordin, (2012) Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7 (1 (special)). pp. 131-140.
- Kim, E.E., Chen, E.C., Brachfeld, C. (2018). Patients' Experience of Spirituality and Change in Individual Psychotherapy at a Christian Counseling Clinic: A Grounded Theory Analysis. *Spirituality in Clinical Practice*, 6(2), 110-123.
- Kirkpatrick, D. L. 1996. Great ideas revisited. *Training and Development Journal* 50(1): 54-59.
- Kirkpatrick, D.L. 1975. *Evaluating Training Programs*. Wisconsin: American Society for Training and Development, Inc.
- Lukmanulhakim, & Syukrowardi, D. A. (2018). *The effects of spiritual counseling on the anxiety level of patient's family at the Intensive Care Unit (ICU) of dr. Dradjat Prawiranegara Hospital in Serang, Banten Province, Indonesia*. *Belitung Nursing Journal*, 4(4), 403–410. <https://doi.org/10.33546/bnj.404>

- Mansur, N.F. (2011). Faculty Education Student's Perception of the position of Zikr as Human Psychological Therapy. Bachelor project paper, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mazidah, M. D. (2013). Faktor yang mempengaruhi integrasi kefahaman beragama dalam amalan kaunseling pelbagai budaya di Malaysia. Universiti Putra Malaysia.
- Md Noor Saper. 2019. Kaunseling Syarie Satu Keperluan [Syarie Consulting One Needed]. International Social Sciences and Humanities Journal. 2 (3), 14-22
- Md. Noor Saper. 2012. Pembinaan Modul Bimbingan 'Tazkiyah An-Nafs Dan Kesannya Ke Atas Religiositi Dan Resiliensi Remaja. Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad, Hj. Husin (2001) Jenayah Rasuah di Agensi Penguatkuasaan Undang-undang di Malaysia : Satu Analisis Persepsi Pegawai Awam di Unit Pencegah Penyeludupan Negeri Kelantan. Master's thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Mohamed Sharif, (1998) Kaunseling Islam. *Jurnal Pendidikan UTM*, (April), 19–30.
- Mohd Dahlan A. Malek, and Ida Shafinaz Mohamed Kamil, (2010) Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: cabaran dan realiti dunia siber. In: Program Jenayah Cyber dan Isu Perdagangan manusia di Malaysia, 26 Aug 2010, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Mohd Izzuddin Bin Mohd Romli. 2011. Kaedah Penyelesaian Isu Pembuangan Bayi: Kajian Di Johor Bahru Latihan Ilmiah, Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Zin, N. A., Ku Johari, K. S., Abu Bakar, A. Y., & Mahmud, M. I. (2024). Validity and reliability of the Spiritual Counselling Intervention Module (MIKS). *Qubahan Academic Journal*, 4(2), 476–488. <https://doi.org/10.48161/qaj.v4n2a592>
- Nasrollahi, Z., Asadzandi, M., Mohammadzadeh, M., Farahani, M. V., & Tayyebi, K. (2021). *Effect of spiritual counseling based on the Sound Heart Model on depression in hemodialysis patients*. *Family Medicine and Primary Care Review*, 23(4), 459–464. <https://doi.org/10.5114/fmpcr.2021.110363>
- Niles, J. K., & Gutierrez, D. (2024). *The necessity of religious and spiritual competence in school counseling*. *Counselor Education and Supervision*, 63(3), 172–186. <https://doi.org/10.1002/ceas.12298>
- Norazlina Mohamed Azmi & Siti Zubaidah Ismail. 2014. Hukuman Rejam, Zina dan Kontroversinya: Antara Aspirasi dan Realiti Di Nigeria (Stoning, Adultery and Controversies: Aspiration vs Reality in Nigeria). *Jurnal Syariah*, Jil. 22, Bil. 3 (2014) 385-406
- Norazlina, Z., & Noor Shakirah, M. A. 2016. Theories and Modules Applied in Islamic Counseling Practices in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 56(2), 507–520.
- Nuraeni, A., Suryani, S., Trisyani, Y., & Anna, A. (2024). Islamic Spiritual Care, Depression, and Quality of Life Among Patients With Heart Disease: A Systematic Review. *Journal of Holistic Nursing*, 42(2_suppl), S7–S25. <https://doi.org/10.1177/08980101231180514>
- Oxhandler, H.K. and Pargament, K.I. (2018). Measuring religious and spiritual competence across helping professions: Previous efforts and future directions. *Spirituality in Clinical Practice*, 5(2), 120-132.
- Paasche, Till F.; Gunter, Michael M. 2016. Revisiting Western Strategies against the Islamic State in Iraq and Syria. *Middle East Journal*. Volume: 70. Issue: 1. Pages: 9-29
- Pandya, S.P. (2018). Spiritual Counseling Program for Children with Anxiety Disorders: A multi-city experiment. *Journal of Pastoral Care & Counseling*, 72(1), 45-57.
- R. Raja & P. C. Nagasubramani. 2018. Impact of modern technology in education. *Journal of Applied and Advanced Research*, 3(Suppl.1), S33-S35. <https://dx.doi.org/10.21839/jaar.2018.v3S1.165>

- Rababah, J. A., & Al-Hammouri, M. M. (2025). The role of religious and existential spiritual well-being in determining self-care in Jordanian Muslim nursing students. *Social Sciences and Humanities Open*, 11. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2025.101305>
- Saenz, Roswitha & Waldo, Michael. (2013). Clients' Preferences regarding prayer during counseling. *Psychology of Religion and Spirituality*, 5(4), 325-334.
- Sajadi, M., Niazi, N., Khosravi, S., Yaghobi, A., Rezaei, M., Koenig, H.G. (2018). Effect of spiritual counseling on spiritual well-being in Iranian women with cancer: A randomized clinical trial. *Complementary Therapies in Clinical Practice*, 30, 79-84.
- Salasiah Hanin Hamjah (2010). Bimbingan Spiritual Menurut al-Ghazali dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling : Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). *Islamiyyat*, 32(32), 41-61.
- Salasiah Hanin Hamjah & Noor Shakirah Mat Akhir (2014). Islamic approach in counseling. *Journal of Religion and Health*, 53(1), 279-289. <https://doi.org/10.1007/s10943-013-9703-4>
- Salasiah Hanin Hamjah. 2008. *Pendekatan Da'wah al-Irsyad al-Nafsiyy menurut al-Ghazali : Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*. Tesis Doktor Falsafah. Penang : Universiti Sains Malaysia.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2016. *Pendekatan Kaunseling Spiritual menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2017. *Modul Kaunseling Islam Menurut al-Ghazali*. Bangi : Fakulti Pengajian Islam.
- Salasiah Hanin Hamjah & Nadhirah Mohd. Arib (2015). Discussion on Religious Practice in Counseling: A Preliminary Survey. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(6), 394-401.
- Sarnon, N. and Mohamad, M. S and Fauziah, I and Alavi, K and Nen, S and Hoesni, S.M and Zaizul, R and Wan Azreena, J. (2012) Hamil luar nikah: memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7 (1 (special). pp. 121-130.
- Shaw, B.M., Bayne, H., Lorelle, S. (2012). A constructivist perspective for integrating spirituality into counselor training. *Counselor Education and Supervision*, 51(4), 270-280.
- Siti Zalikhah Md.Noor (2002) *Kaunseling Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stansfield, Gareth. 2016. The ISIS Apocalypse: The History, Strategy, and Doomsday Vision of the Islamic State. *Middle East Journal*. Volume: 70. Issue: 1. Pages: 146-151
- Suhana Saad, and Marsitah Mohd Radzi. 2009. Urus tadbir sebuah bandaraya Islam Malaysia: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 5 (3). pp. 8-25.
- Turnbow, R. C. (2008). *Spiritual and Religious intervention: Psychotherapist and client perspective*. Dissertation, School of Human Services, Capella University, Minnesota, United States.
- Wan Hussain Azmi Abdul Kadir. 1994. *Kaunseling dan Psikologi Menurut Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yatimah Sarmani & Mohd. Tajudin Ninggal. 2008. *Teori Kaunseling al-Ghazali*. Selangor : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Young, J. S., Wiggins-Frame, M., & Cashwell, C. S. (2007). Spirituality and counselor competence: A national survey of American counseling association members. *Journal of Counseling and Development*, 85, 47-52

- Zainab Ismail. 2014. *Praktikum Bimbingan & Kaunseling – Satu Pengalaman dan Panduan kepada Kaunselor*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainab, Wan Ibrahim dan Asyraf (2014), Counseling services in muslim communal life in Malaysia. *Middle - East Journal of Scientific Research*, 20(11), 1445–1448.
<https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.20.11.21075>